

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 FEBRUARY 2015

Najib mahu ahli akademik, usahawan PKS hasil produk berinovasi, kualiti tinggi

Bentuk kerjasama erat

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

• PUTRAJAYA 24 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu ahli akademik di universiti serta usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membentuk kerjasama yang lebih erat dalam bidang penyelidikan dalam usaha menghasilkan produk berinovasi, berkualiti tinggi, kompetitif selain berbeza dengan produk-produk lain.

Malah, Perdana Menteri percaya melalui keijasama strategik itu kedua-dua belah pihak akan menerima manfaat yang cukup besar apatah lagi jika produk-produk yang dihasilkan itu mendapat sambutan ramai.

Mengambil contoh pengeuwaran telefon pintar iPhone 6 beliau berkata, permintaan orang ramai terhadap telefon pintar itu sangat tinggi kerana teknologinya yang cukup hebat serta amat mesra pelanggan.

"Itu yang menyebabkan pada hari pertama telefon ini dikeluarkan ada pelanggan yang sanggup tidur di tepi jalan bagi membolehkannya menjadi pembeli pertama iPhone 6.

"Mengapa ini berlaku? Ini kerana produk tersebut mempunyai nilai lebih tinggi dan berlainan dengan produk-produk lain. Jika diletakkan harga yang tinggi sekalipun tetap akan ada orang yang membelinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Public-Private Research Network (PPRN) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching; Tim-



NAJIBTUN RAZAK melihat model rumah pasang sendiri rekaan penyelidik dari Universiti Malaya pada pelancaran Public-Private Research Network di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. semalam. - UTUSAN/ZAKIAMIRUDDIN

balan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan dan Ketua Setiausaha II Kementerian, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, sememangnya pada era yang penuh saingan ini ada kewajaran untuk menggabungkan pihak akademik dengan usahawan PKS bagi menghasilkan produk-produk berinovasi.

"Sebenarnya antara cabaran yang dihadapi oleh para usahawan PKS sebelum menghasilkan produk-produk berinovasi serta bermutu tinggi ialah keperluan mewujudkan satu unit inovasi dan

untuk mewujudkan unit ini memerlukan kos yang tinggi dan sukar ditanggung oleh mereka.

"Oleh kita kita gandingkan antara para akademik dengan para usahawan PKS bagi menghasilkan produk-produk inovasi yang dihasilkan. Melalui kerjasama tersebut kedua-dua belah pihak akan mendapat faedah bersama melalui suasan menang-menang," katanya lagi.

Beliau berkata, atas sebab itu juga kerajaan melalui Kementerian Pendidikan menggerakkan inisiatif PPRN bagi menggalakkan kerjasama itu sekali gus mampu meng-

hasilkan produk yang berinovasi, berteknologi dan bernilai tinggi.

"Faktor yang terbesar ialah inovasi. Saya fikir ada banyak keberanian dan sebab itu produk-produk bernilai tinggi dari segi kandungannya serta dari segi teknologinya, pihak pelanggan sanggup membeli dan membayar dengan harga yang tinggi.

"Seperti telefon pintar iPhone 6 tadi, walaupun mahal mereka sanggup membelinya bahkan merasa bangga kerana memiliki produk tersebut. Ini disebabkan telefon pintar ini lain daripada yang lain," katanya lagi.